



KTUP 1

**JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
JALAN PERDA UTAMA, BANDAR PERDA,
14000 BUKIT MERTAJAM**

**BORANG SEMAKAN
PELAN PERMOHONAN KERJA TANAH**

**TEL : 04-5497635
FAX : 04-5497621**

DI ISI OLEH PERUNDING / WAKIL

SURAT KAMI : _____
SURAT TUAN : _____
TAJUK CADANGAN

Tarikh : _____

PEMAJU : _____
ALAMAT : _____

NO. TELEFON

FAX :

EMAIL :

NAMA PERUNDING : _____
ALAMAT : _____

NO. TELEFON

FAX :

EMAIL :

.....
NAMA / JP
(J/PERUNDING)

.....
NO. KAD PENGENALAN

.....
TANDATANGAN

.....
COP JP
(J/PERUNDING)

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
A.	MAKLUMAT AM KERJA TANAH			
1	Keluasan kerja tanah (hektar) – catit dalam pelan.			
2	Keluasan mengikut kelulusan merancang – catit dalam pelan.			
3	Surat tiada halangan daripada jabatan-jabatan berikut :- a)Pengesahan Penerimaan surat pecah sempadan dari Jabatan Perancang Bandar b)Jabatan Kerja Raya (JKR) c)Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) d)Jabatan Alam Sekitar (JAS) – Jika Perlu e)Lain-lain. Nyatakan. Nota : Sila "follow up" ke atas ulasan tiada halangan daripada JKR, JPS dan Jabatan Perancang Bandar, MBSP			
4	Isipadu kerja tanah: a)Timbusan: meter padu. b)Pengorekan :meter padu			
5.	Bayaran Pelan RM..... (Bil bayaran akan dikeluarkan oleh Unit Kerja Tanah Jabatan Kejuruteraan) . Jumlah bayaran ini tertakluk kepada kiraan semula oleh pihak Jabatan.			
6	Sila catitkan/lekatkan syarat-syarat kelulusan Pelan Kebenaran Merancang diatas pelan tapak			
7	Sila kemukakan bersama gambar terkini tapak pembangunan - 4 keping atau lebih (dari sudut yang berbeza)			
	Lain-lain			
B	MAKLUMAT PEMBANGUNAN, PEMILIKAN JURUPERUNDING & SYARAT AM.			
1	Tajuk: a) Nama pembangunan (Jenis bangunan & Bilangan Unit). b) No. Lot, Mukim / Seksyen dan Daerah			
2	Butir-butir pemaju: a) Nama pemaju & cop. i) Tandatangan, nama & jawatan. ii) Alamat, No. tel dan fax.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
3	Butir-butir pemilik tanah: a) Nama tuan tanah. i) Tandatangan, nama & jawatan (jika berkaitan). ii) No. K/P atau no. pendaftaran syarikat (jika berkaitan) iii) Alamat, No. tel dan fax.			
4	Butir-butir Juruperunding Bertauliah: a) Nama syarikat juruperunding. b) Nama (SP) "Submitting Person" / tandatangan. (i). Cop pendaftaran Profesional. (ii). Alamat, No. tel dan fax.			
5	Ruang kosong 200mm x 100mm dipenjuru atas kanan untuk cop kelulusan pelan.			
6	Sediakan pelan punca/kunci mengikut skala tidak kurang 1:50,000.			
7	Sediakan pelan lokasi yang jelas, mudah dikenalpasti mengikut skala tidak kurang 1:1,000.			
8	Sediakan pelan tapak kerja tanah yang jelas mengikut skala tidak kurang 1:500.			
9	Jurutera perunding dikehendaki mencatit di atas pelan kerja tanah bilangan dan no. rujukan serta tarikh kelulusan pelan tatasusunan.			
10	Jurutera perunding dikehendaki mencatit di atas pelan kerja tanah bilangan dan no. rujukan serta tarikh kelulusan pelan bangunan.			
11	Semua ukuran dan aras hendaklah menggunakan SI unit (sistem metrik).			
12	Semua pembedahan perlulah ditandatangani bertindih oleh Jurutera Perunding.			
13	Pelan tapak hendaklah dilukis menunjukkan pelan susunatur yang dicadangkan.			
14	Pelan lokasi perlu mempunyai maklumat seperti berikut :- a) Tapak kerja tanah (warnakan). b) Jalan masuk, alur utama, alur air semulajadi, parit dan tanah-tanah yang bersambungan atau sebahagiannya. Nyatakan skala yang digunakan dan tanda arah Utara.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
15	Pelan tapak perlu mempunyai maklumat seperti berikut :- a) Cadangan aras akhir tambunan tanah /"Finished Ground Level" (F.G.L) b) "Finished Floor Level" (F.F.L) c) Aras siap jalan "Finished Road Level" (F.R.L) d) Aras perut parit dan lintasan e) Aras Basement (Asas Tapak) dan tempat alir keluar saliran f) Tutupan atau lencongan bagi mana-mana alur utama dan alur semulajadi atau pembaikan-pembaikan padanya. g) Apa-apa pengorekan, pemotongan atau penimbusan yang melebihi 2.5 meter dalam atau tingginya. h) Penyediaan rezab 3.0 meter dengan tanah sempadan bagi pengorekan tanah bukit. i) Pengawalan hakisan, habuk dan mengadakan kolam enapan. j) Cara pengorekan, perataan, penimbusan, cerucuk, pelindung atau apa-apa proses teknik bumi yang lain yang akan dijalankan. k) Menunjukkan 2 lokasi BM (Bench Mark) Jabatan Ukur yang dirujuk.	a)		
		b)		
		c)		
		d)		
		e)		
		f)		
		g)		
		h)		
		i)		
		j)		
		k)		
16	Pelan-pelan hendaklah jelas, bersih, kemas, tidak bertampal dan diikat dengan kemas dengan menggunakan 'fastener plastic'.			
	Lain-lain			
C	KEPERLUAN UTAMA TEKNIKAL			
	C.1 Paras			
1	Tunjukkan aras dasar pengorekan untuk tangki minyak dan pemohon dikehendaki menyediakan butiran pelan tangki minyak.			
2	Mengadakan beberapa TBM (Temporary Bench Mark) pada struktur kekal berhampiran kawasan kerja tanah.			
	C.2 Parit / Saliran			
1	Parit tanah keliling sementara dalam kawasan lot pemohon hendaklah diadakan pada paras jiran. Sekiranya dibina diatas tanah jiran, kebenaran bertulis daripada pemilik tanah hendaklah diperolehi.			
2	Kedudukan kolam pemendapan mestilah hampir dengan parit buangan akhir.			
3	Parit keliling sementara pada paras tambunan hendaklah disambungkan ke kolam pemendapan sebelum disalurkan keluar.			
4	Pemohon dikehendaki menunjuk dan menyediakan 'box culvert' dengan saiz yang sesuai bagi lori-lori tanah yang keluar / masuk tapak (selaraskan dengan pelan Jalan & Parit jika perlu).			
5	Bagi mengelakkan banjir kepada lot berjiran, pihak pemaju perlu membina parit utama terlebih dahulu sebelum kerja tanah dilaksanakan.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
	C.3 Kestabilan Cerun / Tembok Penahan			
1	Menyatakan gradient (cerun) di atas pelan keratan kerja tanah.			
2	Anjakan plot bangunan dengan kaki cerun bukit hendaklah diadakan berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan. (Nyatakan anjakan dan garis panduan yang digunapakai).			
3	Ketinggian tiap-tiap peringkat pemotongan tanah bukit dan spesifikasi lain yang berkaitan hendaklah dinyatakan dengan jelas berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan. (Nyatakan ketinggiannya dan garis panduan yang digunapakai).			
4	Bagi perbezaan lot jiran dari lot kemajuan, pihak Jurutera Perunding perlulah mengemukakan cadangan struktur penahan. Segala pengiraan untuk rekabentuk struktur penahan serta analisa kestabilan hendaklah dikemukakan oleh Jurutera Perunding bertauliah.			
5	Semua tembok batu-bata hendaklah ditukar kepada tembok konkrit tetulang.			
6	Di kawasan berbukit di mana terdapat banyak perbezaan pada paras tapak bangunan di antara plot-plot bangunan, Jurutera Perunding dikehendaki mengadakan tembok penahan di antara plot-plot bangunan tersebut.			
7	Bagi perbezaan paras jiran dan kemajuan yang melebihi 45 darjah bagi pemotongan dan 33 darjah bagi tambunan, pihak Jurutera Perunding perlulah mengemukakan cadangan struktur penahan.			
8	Bagi pemotongan cerun batu-batan jarring perlindungan hendaklah dipasang.			
9	Pemaju mengakujajji akan membina terlebih dahulu tembok konkrit tetulang lengkap dengan parit konkrit parameter di sepanjang sempadan taman perumahan / perkampungan sebelum kerja tanah utama dimulakan, sila tunjukkan detail dalam pelan kerja tanah.			
	C.4 Hakisan			
1	Pemohon dikehendaki membina ban pengadang di sepanjang sempadan / lot / taman perumahan bersebelahan supaya air larian permukaan tidak masuk ke kawasan tersebut.			
2	Pemaju mengakujajji akan membina terlebih dahulu ban pengadang di sepanjang sempadan taman perumahan / perkampungan / lot serta di tanam rumput rapat lengkap dengan parit tanah parameter sementara sebelum kerja tanah utama dimulakan. Sila tunjukkan dalam pelan kerja tanah.			
3	Jurutera Perunding hendaklah mencadangkan kawalan hakisan semasa kerja-kerja tanah dijalankan. Sila sertakan kaedah-kaedah yang digunakan untuk rujukan pihak majlis.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
4	Setiap permukaan menegak yang terdedah akibat pemotongan hendaklah dilindungi dengan tumbuhan, penstabilan kimia (chemical stabilizer) atau struktur penahan yang dicadangkan. Sekiranya menggunakan tumbuhan ia mestilah meliputi seluruh permukaan yang terdedah.			
5	Pemohon dikehendaki melindungi cerun daripada hakisan. Ia termasuk tidak membenarkan kadar alir permukaan mengalir ke lereng-lereng bukit yang boleh menyebabkan hakisan dan tanah runtuh. Oleh itu sistem saliran dan tambak perlu dibina di bahagian yang sesuai pada cerun untuk membawa kadar alir ke kolam mendapan/takungan.			
6	Pemohon hendaklah mengambil langkah-langkah untuk mencegah hakisan tanah dengan menanam rumput rapat di atas tanah yang terdedah mengikut cerun pemotongan/penambunan dan mengadakan perangkap kelodak pada saliran sedia ada.			
	C.5 Keselamatan			
1	Langkah-langkah perlu dilakukan bagi menstabilkan bongkah-bongkah batu yang terdapat dipermukaan cerun. Jurutera Perunding perlu mengenalpasti kaedah untuk rujukan Majlis.			
	C.6 Kebersihan			
1	Menyediakan 2 buah "water jet" dengan tekanan yang mencukupi untuk membersihkan kenderaan dan jalan yang kotor. (Nyatakan dalam pelan tapak dalam struktur besen cuci tayar).			
2	Menyediakan besen cuci tayar yang boleh berfungsi dengan sempurna.			
3	Parit Pembuangan akhir hendaklah ditunjuk.			
4	Jalan konkrit 30m hendaklah disediakan dari kolam pembersihan hingga jalan utama.			
	C.7 Spesifikasi Utama Pelan Cadangan Kerja Tanah			
1	Kerja tanah yang dijalankan hendaklah ditimbus ke paras minima 2.13 meter SOD.			
2	Penyediaan rezab 3.0meter dengan tanah sempadan perlu disediakan bagi pengorekan tanah bukit.			
3	Sediakan sistem parit tanah sementara yang sempurna di kawasan kerja tanah.			
	C.8 Maklumat Bekalan Tanah			
1	Pemaju dikehendaki mengakujaji dalam pelan kerja tanah seperti dalam senarai semak Bahagian G iaitu mengenai punca tanah, kelulusannya, laluan digunakan, kontraktor tanah dan lori-lori yang digunakan.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
	C.9 Pelan Perincian			
1	Pelan-pelan muka keratan lintang dan bujur mesti dikemukakan.			
2	Mewarnakan kawasan yang akan dijalankan kerja tanah Nota: Kawasan kerja tanah yang ditandakan tidak boleh dipecah bahagi permohonan sijil layak menduduki kelak.			
3	Mengadakan pelan rekabentuk papan tanda kerja tanah seperti detail bil. D10			
	Lain-lain			
D	PERAKUAN PENUNAIAAN SYARAT :			
	Jurutera Perunding hendaklah mengesahkan akan menunaikan syarat-syarat berikut dan dicatit di atas pelan:-			
1	Cadangan aras akhir tambunan tanah / "finished ground level "(F.G.L.) hendaklah sekurang-kurangnya direkabentuk supaya mendapatkan "finished floor level" (F.F.L.) bagi bangunan adalah selaras dengan kiraan paras banjir 100 tahun ARI (Average Recurrence Interval) dengan tambahan "free board" 300 mm. (Sila rujuk MSMA)			
2	Mematuhi segala syarat-syarat yang dikehendaki oleh Jabatan Perancang Bandar MBSP, Pejabat Tanah & Daerah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengairan Dan Saliran.			
3	Mengadakan parit pada paras tanah sedia ada di sekeliling kawasan lotnya sebelum kerja tanah bermula dan menyelenggaranya sehingga kerja itu siap.			
4	Parit/anak sungai/sungai yang sedia ada tidak dibenarkan ditambun/dikambus sehingga laluan baru bagi parit/anak sungai/sungai dibina atau dikorek terlebih dahulu.			
5	Tidak dibenarkan menutup mana-mana jalan laluan yang sedia ada sehingga laluan lain diadakan dan akan membaikpulih/membersihkan jalan-jalan laluan yang rosak disebabkan oleh kerja tanah tersebut.			
6	Membina kolam pemedapan dan kolam/takungan air cetek sebelum kerja tanah dijalankan dan membersihkan/membuang lumpur dari masa ke semasa.			
7	Menjalankan kerja tanah dengan cara yang tidak akan mengganggu kehidupan orang ramai dan menyebabkan bantahan dari penduduk-penduduk / tuan-tuan tanah di lot bersebelahan/ berdekatan.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
8	Semua kerja tanah dijalankan semasa cuaca kering / panas .			
9	Semua bentuk kerja tanah dicadangkan dan dijalankan di dalam lot pemohon sendiri. Jikalau dicadangkan di dalam lot-lot bersebelahan, kebenaran secara bertulis daripada tuan tanah hendaklah diperolehi dan dibuat di atas setiap set pelan kerja tanah berkaitan.			
10	Papan tanda berkaitan kerja tanah hendaklah didirikan di atas tapak kerja tanah (menyediakan 2 buah papan tanda sekiranya tapak kerja tanah jauh dari jalan awam). Papan tanda tersebut hendaklah mengandungi:- a) Tajuk: "Cadangan kerja tanah..." b) Nama dan alamat tuan tanah dan kontraktor c) Nombor lot, mukim, daerah. d) Nombor rujukan dan tarikh kelulusan pelan kerja tanah daripada Majlis. e) Nama dan alamat jurutera perunding. f) Nama Pegawai Penguasa (Submitting Person S.P) No. Telefon : g) Waktu operasi : Isnin – Jumaat : 8.00 pagi – 6.00 petang dan Sabtu 8.00 pagi – 1.00 petang (Hari Ahad dan cuti umum kerja tidak boleh dijalankan kecuali dengan kebenaran). h) Aduan MBSP : Telefon : Polis Bantuan. Penguatkuasa. Unit Kerja Tanah i) Sahlaku pelan Kerja Tanah : luput jika tidak dimulakan sebelum j) Tempoh pelaksanaan (..... minggu) dari hingga (Sila sediakan pelan rekabentuk)	a)		
		b)		
		c)		
		d)		
		e)		
		f)		
		g)		
		h)		
		i)		
		j)		
11	Waktu Operasi Kerja Tanah yang dibenarkan adalah Isnin-Jumaat – 8.00 pagi – 6.00 petang Sabtu - 8.00 pagi – 1.00 petang (Hari Ahad dan Cuti Umum kerja tanah tidak boleh dijalankan).			
12	Sediakan sistem parit tanah yang sempurna di dalam kawasan kerja tanah pada paras permukaan tanah yang ditambun untuk mengelakkan air hujan bertakung dan mencegah pembiakan nyamuk.			
13	Tiap lapisan pemotongan tanah tidak melebihi 9 meter ketinggian dan cara pemotongan tanah tidak mengakibatkan tanah runtuh di lot-lot tanah bersebelahan.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
14	Setiap kenderaan yang digunakan untuk mengangkut bahan-bahan untuk tujuan kerja tanah hendaklah mendapatkan permit daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai dan hendaklah:- a) Badan kenderaan dalam keadaan baik dan tidak terdapat lubang. b) Bahan diisi tidak melebihi ketinggian sisi- sisi kenderaan. c) Menutup bahan-bahan dengan tarpal, kanvas atau lain-lain jenis kain yang sesuai. d) Roda dan tayar dibersihkan terlebih dahulu sebelum memasuki mana-mana jalan atau tempat awam. e) Menggunakan jalan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.	a) b) c) d) e)		
15	Semua lori yang mengangkut tanah perlulah ditutup dengan kanvas dan ianya perlulah diikat dengan kuat pada lori-lori untuk mengelakkan tanah- tanah dari jatuh dan mencemarkan jalan yang dilaluinya.			
16	Sebagai langkah keselamatan kawasan kolam pemendapan hendaklah dipagar sekiranya tiada hoarding.			
17	Mengambil langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya di dalam kawasan kerja tanah.			
18	Untuk langkah keselamatan seluruh kawasan yang menjalankan kerja-kerja penggalian untuk asas perlulah dipagar dan meletakkan tanda-tanda amaran untuk melarang orang yang tidak berkenaan masuk ke kawasan tersebut.			
19	Air selut yang dipam keluar dari kawasan penggalian perlulah disalurkan ke kolam pemendapan sebelum disalurkan ke sistem pamaritan/ parit tepi jalan yang sedia ada.			
20	Syarat-syarat berikut hendaklah dicatit di atas pelan-pelan kerja tanah: a) Pelan ini diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat yang dipandang perlu oleh Pentadbir Tanah Daerah di bawah Akta Kanun Tanah Negara. b) Kerja-kerja tidak boleh dimulakan sebelum mendapat kebenaran/kelulusan dari Pentadbir Tanah Daerah.			
21	Parit utama di tepi jalan perlu dibina sebelum kerja tanah dimulakan. (Mengikut spesifikasi di dalam pelan Jalan & Parit)			
22	Semua permukaan cerun tanah terdedah (exposed earth slope) hendaklah di tanam rumput rapat-rapat (closed turfing) dan semua permukaan tanah pamah yang terdedah hendaklah ditanam rumput bertapak-tapak (spot turfing) sebaik sahaja kerja tanah siap dijalankan.			
23	Pemohon dikehendaki menaiktaraf parit tanah sediaada kepada parit konkrit sekiranya perlu.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
24	Pemohon hendaklah mengadakan segala perlindungan dan penyelenggaraan yang perlu terhadap kerja tanah, khususnya akibat kemasukan air kedalam lot kemajuan dan lot jiran daripada hujan, air larian, mata air, sungai dan anak-anak sungai. Pastikan penyelenggaraan dan perlindungan sentiasa dilaksanakan.			
25	Pastikan habuk/debu di jalan utama, jalan masuk-keluar tapak, sekitar perumahan dan lot-lot jiran bersebelahan mestilah dikawal dengan menggunakan 'water jet'.			
26	Cadangan aras tambunan dan pematongan di kawasan kemajuan perlulah diselaraskan dengan kemajuan sekeliling supaya tidak berlakunya masalah dalam sistem peparitan /saliran.			
27	Sekiranya hanya sebahagian sahaja daripada keseluruhan kawasan (yang mana pelan kerja tanahnya telah diluluskan) hendak dibangunkan, pemohon hendaklah memohon kebenaran kepada MBSP untuk bahagian berkenaan semasa mengemukakan notis memulakan kerja tanah.			
28	Menyediakan beberapa TBM (Temporary Bench Mark) pada struktur kekal berhampiran kawasan kerja tanah dan di atas tapak kerja tanah untuk semakan pegawai MBSP. Semua aras yang ditunjukkan mestilah diselaraskan dengan Paras Ordinan Ukur (S.O.D). Nyatakan dalam pelan tapak.			
29	Selepas tamat tempoh, kerja tanah tidak boleh diteruskan sehingga pemohon memohon lanjutan tempoh kerja tanah dan membayar "bayaran pelan" tambahan yang ditetapkan. Sekiranya gagal mematuhi syarat ini, Majlis boleh mengenakan kompaun kerana gagal mematuhi syarat kelulusan pelan kerja tanah.			
30	Sekiranya pelan kerja tanah ini diluluskan sebelum kelulusan Pelan Kebenaran Merancang oleh Jabatan Perancang Bandar dan Pengindahan, maka kelulusan pelan kerja tanah ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat di dalam Pelan Kebenaran Merancang yang akan diluluskan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Pengindahan. Jurutera perunding hendaklah bertanggungjawab atas perubahan dan pindaan yang mungkin berlaku dan perlu diselaraskan.			
31	Semua rekabentuk spesifikasi letupan atau apa-apa pekerjaan yang terlibat dengan peletupan akan mengikut kelulusan Jabatan Mineral dan Geosains dan pihak Polis. Jabatan Kejuruteraan akan dimaklumkan berhubung kerja-kerja peletupan sekurang-kurangnya sehari sebelum kerja peletupan dijalankan. Salinan surat kelulusan Polis dan Jabatan Mineral dan Geosains sekiranya ada perledakan batu.			
32	Sebarang aktiviti di bawah rentis TNB hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak TNB.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
33	Pembangunan yang mana permohonan Pelan Bangunan yang di terima dan diluluskan oleh J/k OSC selepas 12 April 2007 maka prosuder permohonan pembangunan ini akan tertakluk kepada proses " Pengeluaran Perakuan Penyediaan Dan Pematuhan" [Certificate of Complition And Compliance) (CCC)]			
	Lain-lain			
E	SYARAT NOTA:- PENGESAHAN DAN PERAKUAN OLEH JURUTERA PERUNDING			
	Jurutera Perunding hendaklah mengesahkan dan memperakukan perkara perkara berikut:-			
1	Memperakui bahawa pelan kerja tanah dan pelaksanaan kerja tanah adalah mengikut Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (MPSP) 1992			
2	Saya memperakui bahawa pelan-pelan kerja tanah ini adalah disediakan mengikut tata amalan (CP British Standard) seperti berikut dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas rekabentuk serta pengawalan di tapak bina. Penyiasatan Tapak (Site Investigation) CP 2001 Kerja Tanah (Earthworks) CP 2003 (BS 6031) Asas Tapak (Foundation) CP 2004 (BS 8004) Earthworks Retaining Structure CP 2 (BS 8002) Asas Tapak Dan Bina Galas (Foundation & Sub-structure) CP 101			
3	Saya memperakui bahawa semua aras yang ditunjukkan di atas pelan adalah benar dan betul dan hendaklah selaras dengan Paras Ordinan Ukur (S.O.D.) yang dicatit/ditunjuk di atas pelan.			
4	Saya memperakui bahawa semua butiran konkrit tetulang yang dkemukakan adalah menurut Kod Amalan Piawaian British BS 8110 dan saya menerima sepenuhnya segala tanggungjawab ke atas rekabentuk dan pengawasan kerjanya.			
5	Saya memperakui bahawa rekabentuk kolam/takungan air cetek terutama asas konkritnya yang direkabentuk berupaya untuk menampung air pada paras yang bersesuaian.			
6	Mengesahkan bahawa cerun tanah dan tembok penahan yang dicadangkan berupaya menanggung tekanan dan mengakujaji bahawa kerja-kerja yang dibuat di tapak itu akan menepati / mematuhi pelan yang diluluskan.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
7	Saya memperakui bahawa pembangunan yang dicadangkan ini tidak akan mempengaruhi sistem pengaliran sedia ada.			
8	Mengakui akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesan-kesan alam sekitar, pencemaran air, pencemaran udara, hakisan, tanah runtuh dan apa-apa yang berkaitan dengannya akibat daripada kerja tanah tersebut.			
9	Surat pengesahan aras dari Jabatan Kejuruteraan hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum memulakan kerja bangunan (Commencement of work – COW).			
10	Sebarang bentuk kerja tanah tidak dibenar dijalankan sehingga pelan-pelan kerja tanah diluluskan dan telah mematuhi syarat-syarat seperti berikut :- a) Mengadakan tapak; i) Papan tanda kerja tanah (menyediakan 2 buah papan tanda sekiranya tapak kerja tanah jauh dari jalan awam). ii) Kolam cetek bersih tayar kenderaan yang sempurna atau setaraf. iii) 2 buah "water jet pressure" untuk membersihkan kenderaan keluar dari tapak. iv) Jalan konkrit sepanjang 30 meter bagi laluan keluar. v) Menyediakan beberapa TBM (Temporary Bench Mark) pada struktur kekal berhampiran kawasan kerja tanah lengkap dengan no. rujukan dan nilai arasnya berdasarkan S.O.D. seperti yang dinyatakan dalam pelan kerja tanah berlulus . b) Mengemukakan notis memulakan kerja tanah. c) Surat kebenaran memulakan kerja tanah daripada Jabatan Kejuruteraan. d) Mengemukakan jadual pelaksanaan kerja tanah meliputi susunan peringkat kerja tanah dan tempoh pelaksanaan yang dicadangkan e) Mengemukakan maklumat berikut :- (i) Punca tanah (lot , mk , daerah) (ii) Surat kelulusan Pelan Kerja Tanah MBSP untuk punca tanah. (iii) Laluan yang digunakan seperti yang dipersetujui oleh pihak JKR. (iv) Nama kontraktor kerja tanah , alamat no. telefon dan senarai lori yang digunakan (Nyatakan no pendaftaran) .			
11	Saya mengakui bahawa setelah kerja tambunan tanah/peyediaan platform tanah untuk pembangunan disiapkan Jurutera Perunding akan mengemukakan Borang Perakuan Pengesahan Aras Tanah Bagi Pembangunan dan 2 set pelan "As Built" kepada Unit Kerja Tanah Jabatan Kejuruteraan sebelum memulakan kerja bangunan (Commencement Of Work-(COW) (sebelum mengemukakan Borang B – Undang-undang Kecil Bangunan Seragam) dalam bentuk "hard copy" dan "soft copy" yang mana "soft copy" tersebut hendaklah disimpan dalam format Autocad terkini /shp.file/GIS dan disimpan dalam CD ROM (2 set).			
12	Saya mengakui bahawa setelah kerja tanah siap dan struktur penahan dan lain-lain detil siap sepenuhnya seperti dalam spesifikasi pelan kerja tanah berlulus Jurutera Perunding akan mengemukakan Borang Perakuan Siap Kerja Tanah Bagi Pembangunan dan pelan "As Built" kepada Unit Kerja Tanah Jabatan Kejuruteraan sebelum pihak Submitting Person mengeluarkan surat Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) , dalam bentuk "hard copy" dan "soft copy" yang mana "soft copy" tersebut hendaklah disimpan dalam format Autocad terkini /shp.file/GIS dan disimpan dalam CD ROM (2 set)			

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
13	Saya akan bertanggungjawab atas pelaksanaan yang sempurna bagi kerja tanah itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga selesai kerja tanah itu melainkan jika dengan persetujuan Majlis, seorang Jurutera lain dilantik untuk mengambil alih atau Majlis bersetuju Jurutera itu menarik diri.			
14	Memperakui bahawa paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk itu tidak akan membangkitkan kemarahan atau kacauganggu kepada penduduk-penduduk di kawasan sekeliling.			
15	Memperakui bahawa apa-apa perendahan aras mata air tidak akan menyebabkan kerosakan matan kepada mana-mana struktur, jalan atau mana-mana harta lain disekelilingnya.			
16	Jurutera Perunding dikehendaki memastikan bahawa cerun-cerun sentiasa dalam keadaan baik, stabil dan juga dapat mengesan tanda-tanda awal sesuatu kegagalan. Jurutera Perunding hendaklah melapor dan memeriksa keadaan cerun bagi mengenalpasti serta mengurangkan kemungkinan ketidakstabilan pada cerun, tambakan dan struktur-struktur yang dibina.			
17	Pastikan pemotongan tanah dibuat dengan baik agar tidak mengakibatkan tanah runtuh, hakisan dan lain-lain. Jurutera Perunding perlulah mengemukakan butir-butir yang berkaitan dengan jelas di atas pelan kerja tanah.			
18	Pastikan cerun ditutupi dengan tumbuhan (rumput) atau liunite/shorcrete supaya ia tidak terhakis.			
19	Lori-lori hendaklah keluar-masuk ke tapak melalui jalan yang dicadangkan sahaja. Kawasan lain atau jalan lain tidak dibenarkan bagi menjaga keselamatan dan kebersihan bagi penduduk-penduduk sekitar berkenaan.			
20	Juruperunding mengakujajji, jika diperlukan untuk mengemukakan perakuan beserta dokumen bukti kadar pendedapan tambunan tanah adalah mencapai 80%.			
22	Jurutera Perunding hendaklah mengemukakan dokumen perakuan kepada Jabatan Kejuruteraan mengesahkan bahawa kolam pendedapan kelodak, ban dan lain-lain struktur kawalan hakisan dan kelodak telah dibina dan disediakan mengikut spesifikasi sepertimana pelan kerja tanah berlulus. (bagi pemajuan yang melibatkan kawasan berbukit)			
23	Jurutera Perunding mengakui akan memuatnaik gambar tapak pembinaan didalam Sistem Pemantauan Pintar MBSP (Smart Monitoring System) dari masa ke semasa (sela tempoh 2 minggu sekali)			
	Lain-lain			

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
		(√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
G	SYARAT NOTA : PENGESAHAN DAN PERAKUAN PEMAJU (Dinyatakan dalam pelan)			
1	Pemunya mengakujajni untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan kepada jalan-jalan kerajaan atau harta-harta awam yang lain dan juga menyapu membersihkan jalan-jalan awam yang terlibat berulang kali berhampiran dengan tapak yang dicadangkan.			
2	Pemaju mengakujajni untuk memperolehi punca tanah daripada sumber yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan (mempunyai pelan kerja tanah yang diluluskan oleh MBSP)			
3	Pemaju mengakujajni untuk mengemukakan maklumat berikut sebelum memulakan kerja tanah:- i)Maklumat punca tanah yang diluluskan oleh MBSP (no. lot, mukim, daerah). ii)Mengemukakan surat kelulusan MBSP mengenai punca tanah yang diambil. iii)Mengemukakan pelan laluan lori tanah yang akan digunakan oleh pihak berkuasa. iv)Mengemukakan nama,alamat dan no. telefon kontraktor kerja tanah dan senaraikan lori-lori yang digunakan sertakan no. pendaftaran.			
4.	Pemaju mengakujajni akan membina terlebih dahulu ban pengadang di sepanjang sempadan taman perumahan/perkampungan serta di tanam rumput rapat lengkap dengan parit konkrit parameter sebelum kerja tanah utama dimulakan.			
5.	Pemaju mengakujajni akan membina terlebih dahulu tembok konkrit tetulang lengkap dengan parit konkrit parameter di sepanjang sempadan taman perumahan / perkampungan sebelum kerja tanah utama dimulakan.			
6.	Pemaju mengakujajni akan membersihkan daripada bahan kotoran lebihan binaan anak-anak batu di kawasan berumput bagi mengelakkan batu terbang semasa kerja-kerja pemetongan rumput.			
7.	Pemaju perlu mengakujajni – Kami faham sekiranya pihak kami gagal menunaikan sebarang syarat pelan kerja tanah, kami boleh diambil tindakan kompaun atau tindakan mahkamah atau berhenti kerja (nyatakan dalam pelan dan pemaju perlu mengesahkannya).			
8.	Pihak pemaju perlu mengakujajni – Kami mengakujajni untuk mendapatkan Permit 4C Pengeluaran Bahan Batuan daripada Pejabat Daerah & Tanah sebelum kerja-kerja dimulakan.			

BIL	PERKARA	PETUNJUK		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
9	<p>Pihak pemaju mengaku janji supaya memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:</p> <p>i. Memastikan pemandu lori yang dilantik mempunyai lesen memandu yang sah tempoh laku.</p> <p>ii. Memastikan semua lori mematuhi syarat-syarat oleh pihak berkuasa untuk beroperasi di atas jalan raya.</p> <p>iii. Memastikan pemandu sentiasa mengikut peraturan dan memandu secara berhemah.</p> <p>Saya faham sekiranya berlaku pelanggaran aku janji di atas, pihak berkuasa berhak untuk memberhentikan kerja tanah itu.</p> <p>..... Tandatangan Pemunya / Pemaju</p>			
10	Selaras dengan peruntukan seksyen 35H Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) pihak pemaju tidak boleh menebang suatu pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter tanpa kebenaran bertulis pihak berkuasa perancang tempatan (Jabatan Landskap MBSP)(tidak melibatkan pokok perladangan dan buah-buahan)			
11	Mengekal dan menyenggara dengan sempurna kolam pemendapan kelodak, parit sementara, kolam cetek cuci tayar dan laluan keluar konkrit semasa kerja pembinaan			
12	Pemaju mengakui akan memuatnaik gambar tapak pembinaan didalam Sistem Pemantauan Pintar MBSP (Smart Monitoring System) dari masa ke semasa (sela tempoh 2 minggu sekali).			

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
H.	SYARAT NOTA : PERSETUJUAN PEMILIK TANAH (LOT JIRAN) (Dinyatakan dalam pelan)			
	<p>Saya pemilik tanah lot _____ mukim _____ bersebelahan dengan lot _____ yang menjalankan pembangunan ini memberi kebenaran kepada _____ untuk menjalankan kerja tanah di atas sebahagian tanah milik saya.</p> <p>..... Tandatangan Pemilik Tanah Tandatangan Pesuruhjaya Sumpah</p> <p>No. I/C : No. I/C :</p> <p>Tarikh : Tarikh :</p> <p>(Nota : Kepilkan Geran Pemilik Tanah)</p>			
I	SYARAT NOTA : PENGESAHAN JURUKUR BERTAULIAH (Dinyatakan dalam pelan)			
	<p>Saya mengesahkan aras-aras yang dinyatakan dalam pelan ini adalah benar dan betul dan selaras dengan paras ordinan ukur (SOD) yang dicatit / ditunjukkan di atas pelan.</p> <p>..... Tandatangan dan Cop Jurukur Bertauliah</p> <p>Tarikh :</p>			
J	LAPORAN-LAPORAN			
1	Laporan Kajian Tanah (SI) dalam bentuk "hardcopy" dan "softcopy" CD dalam format Adobe pdf. Sila kemukakan rumusan (finding) kajian SI yang telah dibuat dan cadangan teknikal selaras dengan rumusan yang diperolehi.			
2	Mengemukakan surat bukti penyerahan menyatakan bahawa satu (1) satu set laporan penyiasatan kerja tanah (SI) dalam bentuk "hard copy" dan "soft copy" (CD) dalam format Adobe pdf. telah dikemukakan kepada JKR KOMTAR.			
3	Laporan pengiraan bagi kestabilan cerun (Slope Stability Calculation) yang memenuhi syarat dan perundangan yang telah ditentukan			

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
4.	Laporan kerja tanah mengandungi :- a) Penilaian permulaan tapak bersama dengan perincian-perincian mengenai langkah untuk mengawal hakisan dan kelodak b) Cara pengorekan, merata, menimbus, menanam cerucuk perlindungan atau proses geoteknik yang lain. c) Jadual kerja tanah dan susunan peringkat kerja tanah yang akan dijalankan. d) Kuantiti tanah yang hendak dikorek atau di timbus dan tempat dimana tanah yang dikorek itu hendak dilonggokkan atau dari manakah hendak didapati tanah yang akan digunakan untuk kerja menimbus dan disertakan dengan kelulusan bertulis oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk mengangkut tanah itu. e) Langkah-langkah yang diambil untuk melindungi tanah, bangunan, jalan dan harta-harta yang berhampiran (bersambungan). f) Pelan-pelan terperinci dan berskala yang sesuai.			
5.	Pemohon dikehendaki merujuk kepada <i>Safety Guidelines For Developments With Basement</i> bagi sebarang kerja pengorekan, sesuatu kerja pengorekan diklasifikasikan sebagai <i>Basement</i> adalah :- a. Pengorekan kedalaman melebihi 3 m atau/dan panjang melebihi 5 m, dan b. Kerja-kerja akan memberi kesan terhadap mana –mana jalan, bangunan, struktur, cerun curam melebihi 30° atau paip utama berdiameter 75 mm atau lebih besar dan berada dalam zon 25° yang diukur daripada garis dasar pengorekan, atau c. Pengorekan di bawah aras air (water table) di mana boleh berlaku pergerakan air dalam tanah (dewatering) atau apa-apa aktiviti pengorekan yang boleh menyebabkan pergerakan air dalam tanah. Maka, pemohon dikehendaki mengemukakan laporan berikut sebelum pengemukaan permohonan pelan kerja tanah :- i. Laporan Geoteknikal melalui seorang Jurutera Perunding Geoteknikal Bertauliah, dan ii. Laporan pendapat ke dua daripada <i>Independent Geotechnical Checker (IGC)</i>			

BIL	PERKARA	PETUNJUK (√) Ditunaikan (x) Belum Ditunaikan (-) Tidak Berkaitan		
		Semakan Perunding	Perunding perlu Catitkan no. helaian pelan	Catitan
K	KIRAAN			
1	Kiraan kestabilan cerun-cerun melebihi 25° mendatar dan 3 meter ketinggian yang memenuhi syarat perundangan dan garis panduan yang ditetapkan.			
2	Kiraan tembok penahan sekiranya ada tembok penahan.			
3	Kiraan hidraulik mengikut MSMA bagi kecukupan kapasiti :- a) Parit keliling pada paras tanah sediaada b) Parit-parit sementara pada paras tambunan c) Kolum enapan. d) Kecukupan air takungan dalam besen cuci tayar dan kedalamannya.			
4	Kiraan isipadu korekan dan tambunan.			
5	Pertimbangkan bebanan 'surcharge' di atas jalan bersebelahan dalam merekabentuk tembok penahan.			

Untuk Disi Oleh Juruperunding:-

Saya mengesahkan telah menyemak dengan sewajarnya pelan kerja dan dokumen yang dikemukakan dan ianya adalah selaras dengan senarai semak ini.

.....
Tandatangan Juruperunding:

Nama:

Tarikh:

Nota:

Juruperunding perlu mengetahui lokasi pembangunan dan telah membuat penilaian tapak sewajarnya.